

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]

SOALAN NO. 501

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kekangan serta halangan yang dihadapi Kementerian bagi mengatasi masalah graduan pendidikan dari universiti awam yang masih belum menerima penempatan sebagai guru dan adakah dasar pasaran terbuka bagi graduan pendidikan untuk menjadi seorang guru yang diperkenalkan Kerajaan sebelum ini akan ditutup.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Saban tahun, pengambilan pelajar dalam bidang pendidikan oleh Universiti Awam (UA) sebelum ini tidak mematuhi unjuran yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini menjadi salah satu faktor penyebab kepada lebih graduan pendidikan UA yang belum dilantik sebagai guru.

Urusan pengambilan guru adalah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan akan dipanggil untuk ditemu duga oleh SPP berdasarkan kepada bilangan kekosongan jawatan dan

NO. SOALAN: 501

keperluan opsyen mata pelajaran di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kekangan yang dihadapi oleh KPM dalam urusan pengambilan guru baharu adalah mendapatkan calon yang sepadan dengan opsyen mata pelajaran yang diperlukan terutamanya yang melibatkan opsyen mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, bidang Teknik dan Vokasional serta bidang Pengajian Dini dan Tahfiz.

Sementara itu, dasar pelantikan secara pasaran terbuka, iaitu pelaksanaan pengambilan guru secara interim akan dipertimbangkan dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan bagi mengisi kekosongan jawatan dan opsyen mata pelajaran yang tidak dapat diisi dari kalangan graduan IPGM dan Universiti Awam untuk mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Teknik dan Vokasional, Pengajian Dini dan Tahfiz serta mematuhi Pelaksanaan Dasar 90:10 di Sabah dan Sarawak.

Pengambilan guru interim ini adalah dalam kalangan graduan pendidikan lepasan Universiti Awam, Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan graduan pasaran terbuka yang tidak mempunyai Ikhtisas Pendidikan. Guru Interim perlu mengikuti Kursus Dalam Cuti (KDC) di IPGM bagi memperolehi kelulusan ikhtisas sebelum dipertimbangkan untuk dilantik tetap sebagai guru di KPM.

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2018, seramai 4,681 orang graduan Sarjana Muda Pendidikan di universiti awam. Daripada jumlah tersebut, 29.2 peratus graduan sedang menunggu penempatan pekerjaan pada tahun yang sama.